

Suruhanjaya Tenaga

(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,

62100 Putrajaya, Malaysia.

T: +603 8870 8500 F: +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78

KENYATAAN MEDIA

22 FEBRUARI 2019

ST Tegaskan Alat Jimat Tenaga Tidak Berkesan

Putrajaya, 22 Feb. – Suruhanjaya Tenaga (ST) hari ini menegaskan bahawa alat jimat tenaga (*Energy Saving Devices - ESD*) yang terdapat di pasaran adalah tidak berkesan dalam mengurangkan bil elektrik pengguna seperti yang diiklankan.

ST dengan kerjasama beberapa pihak telah mengambil inisiatif untuk mengkaji keberkesanan ESD ini. Bagaimanapun, kajian berkenaan mendapati bacaan meter pengguna tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Selain itu, tiada mana-mana badan bertauliah membuktikan alat tersebut memberi kesan penjimatan tenaga elektrik.

Pengguna mungkin terpengaruh dengan demonstrasi oleh penjual, di mana mereka menunjukkan perbandingan kadar arus (*current*) elektrik yang menjadi lebih rendah setelah ESD dipasang. Ingin diingatkan bahawa apabila ESD dipasang, kadar arus akan berkurangan namun jumlah kuasa yang direkodkan tetap sama mengikut bilangan dan kadar kuasa peralatan elektrik yang digunakan.

Ini sekaligus tidak akan memberi perbezaan ketara terhadap kadar penggunaan elektrik yang diukur berdasarkan kilowatt-jam (kWj) penggunaan, dengan menggunakan formula Arus x Voltan x Faktor Kuasa x Masa Digunakan.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Untuk makluman, pemasangan ESD tidak memberi penjimatan sehingga 30% sebagaimana yang didakwa ke atas bil elektrik di premis domestik kerana meter elektrik merekodkan penggunaan kuasa sebenar (kWh) sedangkan penggunaan ESD, yang mana komponen utamanya merupakan kapasitor, hanya memberi kesan kepada penggunaan kuasa reaktif (kVaR). Malahan, dalam keadaan beban pengguna yang rendah atau peralatan dimatikan, penggunaan ESD masih membolehkan meter merekodkan penggunaan elektrik.

Walau bagaimanapun, penggunaan kapasitor lebih memberi manfaat kepada pepasan elektrik di sektor industri yang banyak menggunakan beban induktif kerana ianya dapat menambahbaik kadar kuasa sistem bekalan pengguna dan seterusnya mengelakkan pengguna dikenakan penalti oleh pihak utiliti.

Sehubungan itu, ST ingin menasihati orang ramai agar tidak terpengaruh dengan dakwaan-dakwaan yang mengatakan ESD ini, termasuk dalam bentuk kad, boleh mengurangkan jumlah bil elektrik.

Bagi menjimatkan penggunaan elektrik, ST menyarankan orang ramai membudayakan amalan cekap tenaga seperti berikut:

1. Gunakan kelengkapan elektrik yang mempunyai label cekap tenaga.
2. Gunakan kelengkapan elektrik secara berhemah dan elakkan pembaziran.
3. Matikan bekalan elektrik pada kelengkapan yang tidak digunakan. Laraskan suhu pendingin hawa pada kedudukan 24 darjah Celsius.
4. Gunakan sumber pencahayaan dan pengudaraan semula jadi untuk menjimatkan tenaga elektrik.
5. Pantau trend penggunaan tenaga elektrik bulanan serta kenalpasti dan tingkatkan amalan cekap tenaga sewajarnya.

ST turut menyelar tindakan tidak bertanggungjawab segelintir pihak yang menggunakan logo ST bagi tujuan promosi ESD ini melalui pengiklanan di media sosial dan jualan terus kepada orang

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ramai. ST tidak pernah meluluskan apa-apa produk ESD dan tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan logo ST.

ST juga ingin meminta kerjasama orang ramai untuk melaporkan kepada ST berkenaan kegiatan tidak bertanggungjawab menyalahgunakan logo ST seperti yang dinyatakan di atas. Untuk sebarang maklumat lanjut atau aduan, pengguna boleh melayari laman web ST di www.st.gov.my.

Tamat

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali

Unit Komunikasi Korporat

Tel: 03 8870 8500/03 8870 8554/03 8870 8598/013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.